

UMS TAWAR IJAZAH PENDIDIKAN SEPARUH MASA.

BERITA HARIAN : 24.08.1999

# UMS tawar ijazah pendidikan separuh masa

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) akan menawarkan kursus sarjana muda pendidikan secara separuh masa tidak lama lagi, kata Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosialnya, Prof Datuk Dr Kamaruddin Kachar.

Beliau berkata penawaran kursus itu sebagai usaha memberi peluang kepada golongan guru bukan siswazah untuk melanjutkan pelajaran di universiti itu.

Katanya, bagi memudahkan guru yang terbabit dengan kursus berkenaan, pengajiannya akan diadakan pada hujung minggu serta cuti persekolahan.

"Setakat ini, kami mengenal pasti kawasan Sandakan dan Tawau untuk tujuan pelaksanaan program pengajian berkenaan," katanya.

Bagi menjayakan program itu, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) UMS dijangka menambah sekurang-kurangnya lapan lagi tenaga pengajar berbanding lapan yang sedia ada.

Dr Kamaruddin berkata, dengan penawaran program berkenaan, pihaknya berharap dapat membantu mengatasi masalah kekurangan guru siswazah di Sabah.

Menurutnya, SPPS adalah antara sekolah pengajian UMS yang mempunyai ramai

pelajar, malah 104 daripada 632 graduan yang dijangka menerima ijazah masing-masing tahun ini, adalah lulusan sarjana muda pendidikan.

Pada 2001 pula, katanya, SPPS dijangka dapat menge luarkan graduan pertama berkelulusan sarjana melalui pengijazahan 31 pelajar yang sedang mengikuti pengajian peringkat itu sekarang.

"Guru seharusnya tidak cepat berpuas hati dengan kelulusan sarjana muda, sebaliknya perlu mempunyai iltizam untuk meneruskan pengajian sehingga peringkat sarjana dan doktor falsafah," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Kamaruddin berkata guru

perlu menunjukkan teladan yang baik kepada masyarakat dengan mencintai profesi mereka serta rajin membaca kerana ia adalah kunci kejayaan.

Oleh itu, katanya, SPPS sedang mengkaji kemungkinan merombak semula sistem pengajaran kursus pendidikanannya bagi memberi banyak masa kepada pelajar mengikuti program membabitkan kegiatan membaca.

Beliau berkata, pihaknya juga kemungkinan menawarkan kursus kemahiran membaca dalam sistem pengajarannya agar kegiatan membaca dapat terus dijadikan budaya di kalangan guru.



DR KAMARUDDIN  
... beri peluang